

'Taiko jalan' dihukum penjara 30 hari

Kuala Lumpur: Seorang ulat parkir yang digelar 'taiko jalan' dipenjarakan 30 hari serta denda oleh Mahkamah Majistret Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selepas didapati bersalah menjalankan kegiatan mengutip wang parkir di kawasan awam.

Dia bersama tujuh individu termasuk lima warga asing dituduh di mahkamah selepas ditahan Jabatan Penguatkuasaan DBKL menerusi Tindakan Khas Penjaga Parkir Tanpa Kebenaran (Ops Jaga) pada Khamis lalu.

DBKL dalam satu kenyataan berkata, operasi yang dijalankan sekitar Jalan Tun Sambanthan, Jalan Sri



SEBAHAGIAN individu menjalankan kegiatan mengutip wang parkir di kawasan awam di ibu kota dihadapkan ke mahkamah.

Hartamas, Jalan Beremi, Jalan Tingkat Tong Shin, Jalan Alor dan Jalan Raja Alang dikenal pasti lokasi tumpuan aktiviti menjaga dan mengutip wang parkir di kawasan awam.

"Operasi khas dijalankan bermula jam 12.30 tengah hari hingga 9.30 malam menahan tiga lelaki warga

tempatan dan lima warga asing terdiri tiga warga India serta seorang Bangladesh dan seorang warga Myanmar.

"Semua mereka yang dibawa ke Jabatan Penguatkuasaan untuk tindakan lanjut dan proses dokumentasi (pendakwaan mahkamah/kertas siasa-

tan)," katanya.

Katanya Mahkamah Majistret DBKL menjatuhkan hukuman penjara 30 hari kepada seorang individu, empat lagi dikenakan penjara 14 hari manakala tiga yang lain didenda pada Jumaat.

Sebelum ini, media melaporkan kegiatan ulat parkir di ibu negara seperti tiada kesudahan selepas kelibat mereka sering mengganggu pengguna jalan raya.

Ulat parkir itu dikesan mengenakan caj mencecah RM20 bagi sebuah kenderaan menyasarkan lokasi tumpuan ramai seperti kawasan beli-belah, tempat menjamu selera dan sekitar pusat hiburan.